

Perkembangan biologi, kognitif tak seimbang dorong seks luar nikah

Remaja mudah dipengaruhi emosi dan kurang rasional fikir risiko hubungan terlarang

Oleh Muhammad Yusri Muzamir

yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketidakseimbangan perkembangan biologi dan kognitif dikatakan antara faktor mendorong remaja memilih untuk melakukan hubungan seksual di luar pernikahan.

Pensyarah Kanan Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohamad Naquiuddin Dahamat Azam, berkata perubahan hormon yang pesat pada usia remaja meningkatkan dorongan seksual.

Keadaan itu, katanya, turut didorong perkembangan bahagian otak remaja yang belum matang untuk mengawal urus diri dan pertimbangan jangka panjang.

Beliau berkata, ini menjadikan golongan remaja menjadi lebih impulsif, mudah dipengaruhi emosi dan kurang berfikir secara rasional mengenai risiko

16,951 remaja hamil anak luar nikah tempoh 2020/25



Keratan akhbar BH, semalam.

hubungan seksual luar nikah.

“Dari sudut teori psikoseksual oleh ahli psikologi Sigmund Freud pula, remaja berada pada peringkat genital, iaitu fasa di mana minat seksual mencapai kematangan dan keinginan untuk membentuk hubungan intim menjadi lebih kuat.

“Pada fasa ini, individu mencari hubungan membabitkan keintiman dan ekspresi seksual sebagai sebahagian daripada perkembangan identiti.

“Justeru, tanpa bimbingan sesuai dan persekitaran sokongan selamat, dorongan seks ini boleh diekspresikan secara tidak terkawal, terutama apabila digabungkan dengan tekanan rakan sebaya dan pendedahan seksual melalui media,” katanya kepada BH.

Menteri Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga, Datuk Seri Nancy Shukri, kelmarin mendedahkan 16,951 daripada 41,842 kes kehamilan remaja berusia 19 tahun ke bawah yang tidak berkahwin, direkodkan antara 2020 hingga 2024.

Sepuluh daripada angka itu membabitkan remaja Melayu, diikuti Iban (11 peratus), Orang Asli di Semenanjung (sembilan peratus), Cina (lima peratus), India (tiga peratus) dan selebihnya kumpulan etnik lain.

Faktor psikososial, budaya

Mengenai statistik kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja, Mohamad Naquiuddin tidak menolak kemungkinan jumlah kes jauh lebih tinggi berbanding angka rasmi dilaporkan pihak berkuasa.

Keadaan itu, katanya, dipacu faktor psikososial dan budaya, menyebabkan statistik terbabit boleh dianggap sebagai sebahagian kecil memandangkan ia lazimnya kurang dilaporkan kerana stigma sosial serta perasaan malu dan takut terhadap reaksi keluarga atau masyarakat.

Beliau berkata, faktor enggan dilabel atau dipersalahkan juga menyebabkan remaja memilih untuk menyembunyikan kehamilan sehingga ada yang tidak mahu menjalani pemeriksaan

kesihatan, terutama bagi populasi luar bandar atau komuniti marginal (kelompok sosial terpinggir).

“Remaja berkenaan mungkin bimbang isu ini akan membawa kepada campur tangan pihak berkuasa, terutama jika membabitkan pasangan lebih dewasa. Ada juga kes yang mana keluarga memilih untuk menangani secara senyap bagi mengelak tekanan masyarakat.

“Angka direkodkan Kementerian Kesihatan hanya mewakili kes yang tampil mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan, bukan keseluruhan situasi sebenar di lapangan. Jumlah sebenar hampir pasti lebih tinggi kerana sebahagian remaja tidak melaporkan kes terbabit,” katanya.

Mohamad Naquiuddin berkata, pendekatan menyeluruh membabitkan kesedaran seksual, faktor perkembangan, keluarga, komuniti dan akses kepada sokongan psikososial perlu diperhebat bagi mengatasi isu terbabit.

Beliau berkata, pendidikan kesihatan reproduktif kompre-

hensif juga perlu diperkukuh di sekolah dan melalui platform komuniti bagi membantu remaja memahami risiko, batasan hubungan dan implikasi jangka panjang tingkah laku seksual.

“Peranan ibu bapa dan keluarga juga sangat penting bagi membentuk komunikasi terbuka dan hubungan emosi selamat kerana remaja yang mendapat sokongan keluarga cenderung membuat keputusan lebih terarah dan kurang terdedah kepada tekanan rakan sebaya.

“Pusat sokongan mesra remaja perlu diwujudkan bagi memastikan remaja memerlukan bantuan seperti khidmat nasihat, kaunseling dan rawatan kesihatan mental dapat tampil tanpa stigma atau sebarang ketakutan,” katanya.

Mengulas lanjut, katanya, pendedahan terhadap maklumat seksual yang betul adalah antara faktor signifikan menyumbang kepada kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja kerana informasi pertama mengenai seksualiti banyak diperoleh daripada maklumat kurang tepat.

Beliau berkata, selain internet, maklumat berkenaan turut diperoleh daripada rakan sebaya yang sering kali tidak tepat dan dipengaruhi pornografi.

“Tanpa pendidikan formal yang berstruktur, mereka sukar memahami risiko, batasan hubungan, serta implikasi tingkah laku seksual terhadap diri, emosi dan masa depan,” katanya.

“Tanpa bimbingan sesuai dan persekitaran sokongan selamat, dorongan seks ini boleh diekspresikan secara tidak terkawal”

Mohamad Naquiuddin Dahamat Azam, Pensyarah Kanan Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga UPM

